

LEMBAGA PELABUHAN KELANG

LEMBAGA PELABUHAN KELANG (PKA), badan berkanun persekutuan yang ditubuhkan pada 1 Julai 1963 yang fungsi terasnya merupakan Fasilitasi Perdagangan, Perancangan dan Pembangunan Pelabuhan, Badan Kawal Selia Kemudahan dan Perkhidmatan Diswastakan, Pihak Berkuasa Zon Bebas dan Pengurusan Aset mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang dinamik, berdedikasi, bertanggungjawab dan berkeelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:

PENULIS KANDUNGAN KREATIF/PEREKA GRAFIK GRED N29 (KONTRAK)

(RM1,493 - RM5,672)

a) **SYARAT LANTIKAN**

- (i) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (ii) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai kelayakan/pengalaman di dalam bidang kemahiran menggunakan Adobe Illustrator, Adobe Photoshop, Adobe Premier, Adobe InDesign, Microsoft Office, Desktop Publishing Program, *indd*, *hmtl*, penyuntingan video, reka bentuk media sosial, After Effect, Graphic Design, Layout, Photography, videografi dan lain-lain kemahiran lain yang berkaitan.)

b) **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab menghasilkan rekaan grafik layout, mengemaskini kandungan Laman Web LPK dan LPM secara kreatif, posting kreatif bagi platform media sosial LPK seperti Facebook, Twitter, Instagram dsb, rekaan grafik bahan bercetak LPK seperti diari, kalendar, kad nama pegawai, percetakan kad perayaan, penulisan kreatif bagi penerbitan naskhah/majalah dalam LPK dan rekaan kreatif cenderahati.

c) **UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**

Calon-calon hendaklah **berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 (KONTRAK)

(RM1,352 - RM4,003)

a) **SYARAT LANTIKAN**

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (iv) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

b) **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan **kerja-kerja pentadbiran pejabat, berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris** serta mahir dalam mengendalikan perisian Microsoft Office.

c) **UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**

Calon-calon hendaklah **berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**

d) **CARA MEMOHON**

Borang permohonan jawatan kosong boleh dimuat turun melalui www.pka.gov.my. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Ijazah, Diploma, Sijil-sijil Persekolahan, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran dan lain-lain kelayakan yang berkaitan. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada **Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Kelang, Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang. [u.p. Pengurus Kanan (Sumber Manusia)].**

Sila catitkan nama jawatan yang dipohon di tepi atas (kiri) sampul surat permohonan.

Tarikh Tutup Permohonan: 11 Ogos 2023 (Jumaat).